

Kuala Lumpur

Kaji semula pasaran peruncitan

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan memulakan Kajian Semula Pasaran bagi sektor peruncitan dan borong untuk memahami lebih mendalam sektor itu, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata, kajian pasaran untuk dua sektor itu dijalankan selepas laporan kajian pasaran bagi sektor makanan yang dijangka dikeluarkan 31 Julai ini.

"Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah kementerian yang mengawal selia industri borong dan peruncitan.

"Proses melakukan kajian semula ini adalah proses berterusan, cuma saya minta MyCC untuk fokus kepada lima barangan (dahulu)...ini tambahan kepada analisis rantaian bekalan yang dibuat pihak kementerian," katanya selepas merasmikan majlis penutupan Minggu Persaingan EU-ASEAN yang pertama di sini, semalam.